

DBKL roboh 4 struktur atas rizab jalan awam

Kuala Lumpur: Empat unit struktur dibina di atas rizab jalan awam secara haram di sekitar Bandar Tun Razak, di sini, dirobohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu, Rabu lalu.

Tindakan roboh serta-merta itu diambil mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan semua sisa struktur yang dirobohkan sudah dilupuskan oleh DBKL selepas operasi selesai.

DBKL melalui hantaran di Fa-

cebooknya semalam, memaklumkan pihak berkuasa tempatan itu akan meneruskan tindakan serta pemantauan selepas ini dan meminta sebarang aduan disalurkan ke pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>.

Operasi Rabu lalu turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.



Jentera meroboh struktur yang dibina di atas rizab jalan awam dalam operasi bersepadu DBKL di sekitar Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, Rabu lalu.

(Foto ihsan DBKL)